

# Usah jadi (P) ayam jantan: Mahathir.

11 NOV 1991

BEKAS Ketua Hakim Negara, Tun Mohd Suffian Hashim dan Majlis Peguam semalam dinasihati jangan menjadi seperti seekor ayam jantan yang pandai berkokok tetapi ekor berpelumang tahi.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Tun Suffian dan Majlis Peguam perlu bertindak mengikut undang-undang sebelum menyuruh orang lain berbuat demikian.

Katanya, kenyataan Tun Suffian kononnya Presiden Amerika Syarikat, George Bush, iri hati dengan kuasa Perdana Menteri Malaysia adalah tidak berasas samasekali.

"Kalau ini benar, saya sanggup bertukar kuasa dengan Presiden Bush. Presiden Bush boleh ambil kuasa saya dan saya boleh menjadi Presiden Amerika.

"Presiden Amerika mempunyai kuasa yang luas, sehingga boleh menghantar tentera ke Panama untuk menangkap Presiden Noriega dan dibawa ke Amerika untuk dibicarakan mengikut undang-undang Amerika.

"Kalau saya jadi Presiden Amerika, saya juga boleh hantar pasukan menangkap Tun Suffian dan dibawa untuk dibiara di Amerika," katanya disambut dengan tepukan gemuruh perwakilan di Perhimpunan Agung Umno.

Beliau berkata, Tun Suffian tidak faham perbezaan bahawa Presiden Amerika mempunyai kuasa terlalu luas sehingga boleh menangkap pemimpin di negara lain.